

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Rafidah)

KRITIKAN DR MAHATHIR TERHADAP EROPAH TAK JEJAS EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap bangsa Eropah semasa merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-54 Rabu lalu tidak akan menjejaskan ekonomi negara, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

Menurut beliau, Presiden Umno pagi ini ada mengatakan mengenai apa yang mungkin Eropah fikir kesan daripada ucapan beliau pada perasmian mesyuarat agung, iaitu kesan kepada ekonomi, pada pendapat Rafidah ia tidak akan ada kesan.

Beliau berkata keyakinan itu adalah berdasarkan tiga faktor: "Yang pertama, apa yang YAB (Yang Amat Berhormat) katakan itu adalah fakta sejarah; yang kedua, dalam konsep demokrasi kita berhak menyuarakan pandangan kita dan yang ketiga, sebenarnya sektor swasta Eropah ini, dia buat keputusan berniaga berasaskan untung rugi," katanya.

Rafidah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata demikian ketika menggulung perbahasan mengenai isu-isu ekonomi, di hari terakhir perhimpunan itu di sini.

Beliau berkata selagi politik Malaysia stabil dan keadaan ekonomi serta suasananya menggalakkan, para pelabur Eropah akan terus berniaga dan melabur di Malaysia.

"Contohnya negeri China, negeri China tu dikutuk habis-habisan oleh Amerika, apa yang tidak dikata oleh Amerika...oleh pemimpin-pemimpinnya kerana sebab-sebab politik tertentu... tapi (syarikat) swastanya pergi ke negeri China berebut-rebut macam semut cari gula," katanya.

Menyentuh cadangan Puteri Umno supaya Malaysia menerajui usaha mempromosikan standard halal dalam industri pemakanan dunia, Rafidah berkata kabinet telah meluluskan strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau untuk membangunkan produk halal.

Satu daripada strateginya ialah menjadikan Jakim (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) sebagai badan tunggal yang mengeluarkan persijilan halal.

"Prosedur persijilan juga akan dibuat oleh Jakim," katanya.

Beliau berkata pihaknya juga akan memastikan produk yang dikeluarkan mematuhi standard antarabangsa.

Mengakhiri ucapannya, Rafidah memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir kerana telah memaksa Perdana Menteri memberhentikan ucapan penggulangannya pada perhimpunan parti tahun lalu, apabila Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatannya.

Rafidah yang tidak berupaya menahan sebak berkata sememangnya tindakan beliau itu nampak tidak tertib tetapi ia didorong oleh perasaan yang sebenarnya tidak bersedia menerima peletakan jawatan Perdana Menteri.

"Saya ingin menuntut sebanyak-banyak maaf daripada YAB Datuk Seri Presiden kerana pada masa Datuk Seri Presiden memberi ucapan di perhimpunan agung tahun lalu saya telah mengganggu dan memaksa YAB berhenti daripada meneruskan ucapan.

"Mungkin tindakan saya itu kurang tertib dan mengganggu perasaan YAB Datuk Seri Presiden, tetapi saya, ahli-ahli Umno dan rakyat pada masa itu belum bersedia menerima persaraan Datuk Seri daripada parti dan kerajaan," katanya.

Rafidah juga mengikrarkan sokongan padu kepada Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih tempat Dr Mahathir.

-- BERNAMA
NM KHY RON